

Perolehan aset pertahanan negara kini secara G2G

BERITA HARIAN

09 JUL 2025 W/S: 3

Kuala Lumpur: Kerajaan MA-DANI pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim kekal konsisten dalam usaha memerangi rasuah, termasuk urusan pembelian aset dan sistem pertahanan negara kini dilaksanakan menerusi perolehan kerajaan kepada kerajaan (G2G) tanpa membabitkan ejen atau komisen.

Perdana Menteri berkata, langkah itu sebahagian daripada pendekatan baharu yang diambil kerajaan bagi memastikan ketelusan dan perkara itu turut dibincangkan secara rasmi dengan pihak kerajaan Perancis dan Itali, baru-baru ini.

“Perkara ini belum pernah berlaku sebelum ini kerana pembelian senjata lazimnya antara sektor paling terdedah kepada amalan rasuah, tempat di mana wang rakyat sering diseleweng.

“Jadi, apa prinsip asas kita? Jalankan urusan secara rasmi antara kerajaan dan elakkan kaedah lama yang membuka ruang

“Jalankan urusan secara terus antara kerajaan dan elakkan kaedah lama yang membuka ruang kepada pengambilan komisen atau penyelewengan”

Anwar Ibrahim,
Perdana Menteri

kepada pengambilan komisen atau penyeleweng,” katanya dalam temu bual bersama saluran berita antarabangsa, *France 24*, disiarkan menerusi platform dalam talian, kelmarin.

Dalam program bertajuk *Tete-e-tete* yang dikendalikan Marc Perelman itu, Anwar turut ditanya mengenai dakwaan kononnya beliau meneruskan per-

seteruan politik dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan keluarganya melalui siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Anwar menegaskan siasatan berkaitan rasuah dijalankan secara telus, membabitkan pelbagai pemimpin, termasuk yang berada dalam gabungan kerajaan serta beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah.

“Bukan soal sama ada seseorang itu bekas Menteri Kewangan atau bekas Perdana Menteri. Itu tidak penting.

“Persoalannya, dari mana datangnya berbilion ringgit ini? Anak mereka sendiri mengisytiharkan di bawah sumpah bahawa mereka memiliki lebih daripada RM1 bilion.

“Saya anggap menjadi tanggungjawab saya memastikan budaya rasuah seperti ini dihentikan,” katanya. BERNAMA

Ibadat & Fadilat

Zaid Tsabit RA meriwayatkan Nabi Muhammad SAW bersabda: “Allah menyerikan seseorang mendengar suatu hadis daripada kami, lalu dia menghafaznya hingga menyampaikannya (kepada orang lain). Kemungkinan orang membawa (meriwayatkan) suatu hadis kepada orang lebih memahami daripadanya dan kemungkinan juga orang membawa suatu hadis tidak memahaminya.” (HR Abu Daud)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:55	1:26	4:51	7:39	8:55
Alor Setar	5:55	1:26	4:51	7:39	8:55
P. Pinang	5:57	1:26	4:51	7:38	8:53
Ipoh	5:57	1:24	4:49	7:34	8:49
Kuala Lumpur	5:57	1:21	4:46	7:30	8:45
Shah Alam	5:57	1:21	4:46	7:30	8:45
Johor Bahru	5:50	1:13	4:37	7:18	8:33
Kuantan	5:51	1:16	4:41	7:23	8:38
Seremban	5:56	1:20	4:45	7:27	8:42
Bandar Melaka	5:56	1:19	4:44	7:25	8:40
Kota Bharu	5:49	1:19	4:44	7:31	8:42
K. Terengganu	5:46	1:15	4:40	7:26	8:42
Kota Kinabalu	4:53	12:23	3:48	6:35	7:51
Kuching	5:25	12:48	4:12	6:53	8:08